

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN ACCIN 2021

MAT 13

Sabtu, 31hb Julai 2021

11.00 pagi

ONLINE



AGENDA ATURCARA MESYUARAT AGUNG ALLIED COORDINATING COUNCIL OF ISLAMIC NGOs MALAYSIA (ACCIN) KE-13

- 11.00 pg - PERASMIAN MESYUARAT AGUNG KE-13
- Ucapan Alu-aluan oleh Pengerusi Majlis (MC)
- Bacaan Al Fatihah dan bacaan Doa
- 11.05 pg - Ucapan Pembukaan oleh Pengerusi ACCIN
Ustaz Ab. Razak Mahadi (Darussyifa')
- 11.10 pg - Mesyuarat Agung
Agenda:
- i. Melantik Dua Orang Pencatat Minit Mesyuarat.
 - ii. Membentang dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung ke 12 / 2020.
 - iii. Perkara Berbangkit.
 - iv. Membentang Dan Membincang Laporan Tahunan 2020.
 - v. Membentang dan Menerima Penyata Kewangan Beraudit Pada Tahun Berakhir Disember 2020.
 - vi. Membentang Usul-usul
 - vii. Mengesahkan Pelantikan Pengerusi, Setiausaha Kehormat dan Bendahari
 - viii. Ucapan Penangguhan oleh Pengerusi ACCIN dan Bersurai

SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN ACCIN KALI KE-12, 1441H

Hari dan Tarikh: Sabtu 25 Julai 2020
 Tempat: Dewan Tingkat 4 Bangunan PERKIM KL,
 Masa: 11.00 pagi

Kehadiran:

	ACCIN	1	Hj. Mohd. Jamaludin Samsudin (PIM)
		2	Pn Rafidah Harun Mahmud Hashim (PIM)
		3	Adam Shah Abdul Rahim (PIM)
1	ABIM	4	Mohd Faridh Hafez bin Mhd Omar
2	AL-HIDAYAH	5	Nur Habeebah Abdullah
3	AL-HUNAFA		<i>Tiada wakil yang hadir</i>
4	DARUL FITRAH	6	Noorshin Ng bt Abdullah
		7	Kamil Idris
5	DARUSSYIFA'	8	Ustaz Ab. Razak Mahadi
6	GEPIMA		<i>Tiada wakil yang hadir</i>
7	IIS	9	Zuhri Yuhyi
8	IKRAM	10	Dr Mustafa Din Subari
		11	Nik Khatijah Nik Mud
9	IMAN	12	Dato Sri Prof Dr Zaleha Kamaruddin
10	IPSI	13	Hj Kamarudin Abdullah
11	ISMA	14	Mohd Noor Azib Asmangi
12	JAM'IYAH	15	Abdul Ghani Abdullah
13	MACMA	16	Datin Norhana Ng
		17	Dato' Dr Hj. Mustapha Ma
14	PERKIM		Dato' Dr Hj. Mustapha Ma
		18	Hj. Mohd Zuber Zain
15	PIM	19	Hairi Alias
16	PPMM	20	Hj Abd Rahim Sinwan
17	PUM	21	Prof Madya Dr Saupi Man
18	RICOI	22	Dr Amir Farid Isahak
19	UNITY		<i>Tiada wakil yang hadir</i>
20	WAMY		<i>Tiada wakil yang hadir</i>

Jumlah Kehadiran NGO: 16/20

Jumlah Kehadiran: 22 orang

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE- 12, 1441H
ALLIED COORDINATING COUNCIL OF ISLAMIC NGOs MALAYSIA (ACCIN)

Tarikh: Sabtu, 25 Julai 2020
 Tempat: Bilik Mesyuarat PERKIM, Tingkat 4, Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur
 Masa: 10:00 pagi – 01:00 tengah hari

AGENDA MESYUARAT:	
<ol style="list-style-type: none"> 1. Perasmian Mesyuarat Agung ACCIN ke-12 2. Ucapan Perasmian 3. Pelantikan 2 Orang Pencatat Minit Mesyuarat 4. Pembentangan Hala Tuju ACCIN oleh Ketua Pegawai Eksekutif ACCIN 5. Pembentangan dan Pengesahan Minit Mesyuarat Agung ke-11 (2019) 6. Perkara Berbangkit 7. Pembentangan dan Perbincangan Laporan Aktiviti Tahunan 2019 8. Pembentangan dan Penerimaan Penyata Kewangan Beraudit Pada Tahun Berakhir Disember 2019 9. Penyerahan Tugas dan Kuasa Setiausaha Kehormat ACCIN 10. Pembentangan Takwim 2020-2021 (Mac) 11. Pembentangan Usul-Usul 12. Ucapan Penangguhan 	
PERKARA	TINDAKAN
<p>1. Perasmian Mesyuarat Agung ACCIN ke-12</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya Pengerusi ACCIN, Ustaz Ab. Razak Mahadi mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan ACCIN ke 12/2020.</p>	
<p>2. Ucapan Perasmian</p> <p>Datuk Dr Mustapha Ma yang asalnya dijemput memberikan ucapan perasmian telah mempelawa Dr Amir Farid (RICOI) selaku Pengerusi pertama ACCIN untuk memberikan ucapan.</p> <p>Dr Amir mengucapkan terima kasih kepada semua perwakilan yang hadir. Beliau seterusnya menceritakan tentang sejarah dan objektif penubuhan ACCIN. Beliau juga menyarankan semua ahli untuk menyokong dan sama-sama terlibat dalam apa sahaja bidang fokus yang telah ditentukan oleh ACCIN.</p>	
<p>3. Pelantikan 2 Orang Pencatat Minit Mesyuarat</p> <p>Mesyuarat bersetuju melantik Saudara Mohd Nor Azib Asmangi daripada ISMA dan Cik Nik Khatijah Nik Mud daripada IKRAM.</p>	Sekretariat

<p>4. Pembentangan Hala Tuju ACCIN oleh Ketua Pegawai Eksekutif ACCIN</p> <p>4.1. Tn Hj Mohd Jamaludin Shamsudin menjelaskan kepentingan pembentukan struktur eksekutif ACCIN sekarang untuk melancarkan operasi harian dengan lebih professional.</p> <p>4.2. Beliau juga menjelaskan ACCIN akan meneruskan kerjasama strategik dengan rakan-rakan NGO dan juga menjadi badan imbang dan semak kepada pihak kerajaan yang memerintah.</p> <p>4.3. Prof Dr Mustafa Din mencadangkan agar halatuju ACCIN dikongsikan dalam bentuk dokumen yang boleh dirujuk oleh anggota dan orang ramai.</p>	Sekretariat
<p>5. Pembentangan dan Pengesahan Minit Mesyuarat Agung ke-11 (2019)</p> <p>5.1. En Zuhri Yuhji selaku Setiausaha Agung telah membentangkan minit Mesyuarat Agung ke-11 kepada sidang mesyuarat.</p> <p>5.2. Minit mesyuarat telah disahkan dengan beberapa pindaan kecil:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Pencadang: Pn Nur Habeebah Abdullah (Al-Hidayah) ii. Penyokong: En Kamil Idris (Darul Fitrah) 	
<p>6. Perkara Berbangkit</p> <p>6.1. Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha mencadangkan kehadiran ahli-ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) dicatat termasuk yang tidak dapat hadir. Catatan kehadiran minit boleh mengikut NGO dan nama wakil.</p> <p>6.2. Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha turut mencadangkan setiap NGO untuk menetapkan seorang wakil tetap dan seorang wakil alternatif untuk kehadiran ke mesyuarat bulanan ACCIN.</p> <p>6.3. Ustaz Saupi mencadangkan supaya menggunakan pendekatan kasih sayang sebagai galakan dan motivasi agar kehadiran ahli-ahli ke mesyuarat bulanan lebih ramai dan konsisten.</p>	<p>Sekretariat</p> <p>Semua NGO</p>
<p>7. Pembentangan dan Perbincangan Laporan Aktiviti Tahunan 2019</p> <p>7.1. En Zuhri Yuhji selaku Setiausaha Agung telah membentangkan laporan aktiviti sepanjang 2019 seperti dalam Laporan Tahunan Sesi 2019 yang dilampirkan berserta Minit Mesyuarat Agung ke-11.</p> <p>7.2. Mesyuarat AJK ACCIN (mesyuarat bulanan) telah dilaksanakan sebanyak 9 kali dalam tahun 2019. Berkenaan kehadiran anggota NGO dalam Mesyuarat AJK ACCIN yang tidak memberangsangkan, Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha mencadangkan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 7.2.1. Dalam senarai kehadiran di laporan tahunan, anggota yang tidak hadir juga disenaraikan dan dinyatakan sebab ketidakhadiran contohnya: Tidak Hadir dengan sebab. 7.2.2. Mesyuarat bulanan diadakan di premis NGO masing-masing sebagai tuan rumah. Ini boleh merapatkan lagi hubungan erat di kalangan anggota NGO dan seterusnya meningkatkan rekod kehadiran ke Mesyuarat. <p>7.3. Ustaz Saupi mencadangkan supaya mesyuarat bulanan disertakan dengan sedikit majlis keraian bagi menggalakkan kehadiran lebih ramai perwakilan. Beliau juga mencadangkan supaya pihak sekretariat (ACCIN) membuat panggilan susulan kepada ahli-ahli untuk hadir ke mesyuarat.</p>	Sekretariat

<p>7.4. Pn Rafidah menjelaskan mengenai status GAPEMA. Surat telah dihantar beberapa kali, namun pihak GAPEMA masih belum menghantar wakil ke mesyuarat.</p>	Sekretariat
<p>7.5. Dr Amir Farid mencadangkan pihak AJK merujuk kepada perlembagaan ACCIN untuk tindakan seterusnya. Mesyuarat bersetuju untuk membincangkan perkara ini dalam mesyuarat AJK.</p>	Sekretariat
<p>7.6. Hj Kamaruddin memberikan pandangan bahawa wakil ACCIN patut dilantik sebagai salah seorang Lembaga Pengarah YADIM.</p>	
<p>7.7. Mesyuarat mencadangkan supaya ditubuhkan satu pasukan (team) untuk pengumpulan dana (fund raising) untuk membiayai projek-projek ACCIN. Mesyuarat diberitahu program untuk sumbangan dana melalui 'crowd funding' masih dalam perbincangan dan akan melibatkan pihak luar yang memiliki kepakaran.</p>	Tn Hj Jamal
<p>7.8. Hj Kamaruddin dari IPSI membangkitkan isu sokongan ACCIN dalam gerak kerja dan perjuangan NGO-NGO. Beliau berharap ACCIN boleh menjadi suara pendesak dan suara perubahan kepada kerajaan untuk isu-isu ummah dan juga turut sama memperjuangkan isu-isu yang dibawa oleh NGO-NGO dibawahnya.</p>	
<p>8. Pembentangan dan Penerimaan Penyata Kewangan Beraudit Pada Tahun Berakhir Disember 2019</p> <p>8.1. Pn Rafidah membentangkan laporan kewangan beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. Pn Rafidah memaklumkan bahawa laporan kewangan telah dibentang dan diluluskan dalam mesyuarat bulanan. Walau bagaimanapun, Mesyuarat memutuskan supaya laporan ini masih perlu dibentang dan disahkan dalam Mesyuarat Agung.</p> <p>8.2. Berkenaan yuran tertunggak, Pn Rafidah menjelaskan pihak Audit meminta ACCIN menghantar surat pengesahan jumlah tunggakan kepada setiap NGO untuk mengesahkan rekod tunggakan.</p> <p>8.3. Berkenaan akaun khas untuk menerima sumbangan, Pn Rafidah menjelaskan sekarang telah ada 2 akaun di Bank Islam Malaysia Berhad yang boleh digunakan untuk menerima sumbangan.</p> <p>8.4. Pn Rafidah memaklumkan bahawa pihak juruaudit akan memohon pengecualian cukai (tax exemption) daripada LHDN.</p> <p>8.5. Laporan kewangan telah disahkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Pencadang: Dr Amir Farid (RICOI) ii. Penyokong: Datuk Dr Mustapha Ma (PERKIM) 	Sekretariat
<p>9. Penyerahan Tugas dan Kuasa Setiausaha Kehormat ACCIN</p> <p>9.1. Mesyuarat telah bersetuju untuk melantik Hj Adam Shah daripada PIM sebagai Setiausaha Kehormat menggantikan En Zuhri.</p> <p>9.2. Mesyuarat bersetuju meneruskan lantikan Ustaz Ab. Razak sebagai Pengerusi ACCIN bagi tahun yang kedua.</p>	
<p>10. Pembentangan Takwim 2020-2021 (Mac)</p> <p>10.1. Tn Hj Mohd Jamaludin membentangkan Takwim ACCIN 2020-2021</p>	

<p>10.2 Semua NGO diharapkan dapat menggerakkan program 1N1P yang telah dirancang sepanjang tahun 2020-2021.</p> <p>10.3 Cadangan telah diberikan supaya Takwim 2020-2021 dimasukkan ke dalam group Whatsapp untuk rujukan dan perhatian semua ahli.</p>	<p>Semua NGO</p> <p>Sekretariat</p>
<p>11. Pembentangan Usul-Usul</p> <p>Terdapat 2 usul yang dibentangkan:</p> <p>11.1. Usul Pertama: Tangani Akibat Buruk Ketagihan Alkohol</p> <p>Usul ini dibentangkan oleh En Adam Shah dengan syor seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Perlu ada usaha bersama pemimpin pelbagai agama dan pakar-pakar dalam bidang berkenaan untuk memberi kefahaman kepada masyarakat. Penjualan alkohol dihadkan kepada premis-premis dan waktu-waktu tertentu serta di kawal rapi. Tindakan undang-undang yang lebih tegas perlu digubal sebagai langkah pencegahan. <p>Mesyuarat bersetuju untuk menerima cadangan usul ini.</p> <p>11.2. Usul Kedua: Memohon Perkenan Majlis Raja-Raja Untuk Membantu Memperkasa ACCIN Dengan Bantuan Dana Zakat</p> <p>Usul ini dibentangkan oleh Hj Mohd Zuber Zain.</p> <ol style="list-style-type: none"> Mesyuarat bersetuju untuk menerima cadangan usul ini dengan meminta nasihat daripada Majlis Peguam berkenaan cara penulisannya. Datuk Dr Mustapha Ma mencadangkan supaya merujuk kepada Mufti Wilayah Persekutuan berkenaan tatacara permohonan ini. 	<p>Sekretariat</p> <p>Hj Zuber</p>
<p>12. Ucapan Penangguhan dan Penutup</p> <p>Majlis ditutup dengan bacaan doa oleh Ustaz Saupi.</p>	

Disediakan oleh:

Mohd Noor Azib Asmangi
Pencatat Minit Pertama
Tarikh: 25 Julai 2020

Disediakan oleh:

Nik Khatijah Nik Mud
Pencatat Minit Kedua
Tarikh: 25 Julai 2020

Disahkan oleh:



Ustaz Ab. Razak Mahadi
Pengerusi ACCIN 2020

LAPORAN TAHUNAN ALLIED COORDINATING COUNCIL OF ISLAMIC NGOS MALAYSIA (ACCIN)

SESI 2020

PENDAHULUAN

Alhamdulillah, dengan izin ALLAH ACCIN sekali lagi dapat melangsungkan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-13 pada 31 Julai 2021. Sehubungan itu, sebagai makluman, disediakan Laporan Tahunan untuk pembentangan kegiatan aktiviti ACCIN yang telah dilaksanakan bagi tahun 2020.

Untuk laporan aktiviti sepanjang tahun 2020 adalah seperti berikut:

1. Keahlian
2. Pejabat Urusan Sekretariat ACCIN
3. Mesyuarat Majlis ACCIN
4. Mesyuarat Agung Tahunan ke 12 (MAT 12)
5. Program-program ACCIN bagi tahun 2020:-
 - 5.1 Jan 4 Mesyuarat Persediaan IIPC di Hotel Furama
 - 5.2 Jan 7 Dialog dengan 4 Da'i terkemuka dari US dan Nigeria di Sri Satria
 - 5.3 Jan 7 Malam Anugerah Majlis Dakwah Negara MDN di Royal Chulan
 - 5.4 Jan 9 Kursus Dakwah oleh Sheikh Nuruddin Lemu
 - 5.5 Jan 16 Retreat Majlis Alam Islami Yadim - (MAIM)
 - 5.6 Jan 21 Dialog Master Chin Kung dan Pure Land College Australia di Melaka
 - 5.7 Jan 31 Program Al Quds di rasmikan penaung Mukhriz Mahathir
 - 5.8 Feb 4 Dialog dan ceramah oleh PM Pakistan di IAIS, Imran Khan
 - 5.9 Feb 8 Conference Al Quds di New World Hotel anjuran kerajaan dan NGO
 - 5.10 Feb 15 Malam Anugerah ACCIN 2019. Dirasmikan oleh YB Datuk Seri Anwar Ibrahim.
 - 5.11 Feb 18 World Interfaith Harmony Week di USCI anjuran Kem Perpaduan
 - 5.12 Feb 29 Solidarity Run for Uyghur
 - 5.13 Mac 12 Seminar Media ISTAC
 - 5.13 Mac 24 Tabung Sumbangan Petugas Hospital
 - 5.15 Mac 26 Aid For The Needy Tabung #Covid-19
 - 5.16 Apr 7 Sumbangan Hand Sanitizer for Frontliners
 - 5.17 Apr 21 Memorandum ACCIN untuk GLC dipimpin oleh kalangan profesional yang berwibawa, bukannya politikus. Memorandum disokong oleh MTEM, DPMM, Pembela dan MAPIM. Mendapat liputan luas media.
 - 5.18 Apr 23 Forum/dialogue online dengan Menteri Agama, Dato Dr Zulkifli Al Bakri
 - 5.19 Mei 14 Perjumpaan dan memo kepada Timbalan Menteri Luar Datuk Kamaruddin Jaafar - isu tahanan Jemaah Tabligh Malaysia di India - 189 orang
 - 5.20 Mei 14 Sumbangan Pek Cegah Covid-19, makanan berbuka dan barang dapur kepada asnaf, anak yatim, orang asli zon Gombak Utara
 - 5.21 Jun 2 Online Forum dengan MARI - Malaysian Reform Initiative
 - 5.22 Jun 30 Kunjung hormat YDP Jam'iyah
 - 5.23 Jul 9 Kunjung Hormat SUA PERKIM dan pengurusan
 - 5.24 Jul Lawatan dan mesyuarat di IPSI, Penang
 - 5.25 Jul 11 Webinar: Faraid & Hibah Untuk Muallaf
 - 5.26 Jul 25 AGM ACCIN 2020. Resolusi AGM tentang menghadkan jualan alkohol yang di tulis dalam bentuk rencana mendapat liputan di pelbagai media termasuk BH dan Sinar Harian
 - 5.27 Ogo 17 Mesyuarat dengan CEO MAIWP, Datuk Akbar Samon
 - 5.28 Sep 19 Persidangan Kebangsaan Memahami Kepercayaan Lain: Perspektif Dakwah

- | | | |
|------|--------|--|
| 5.29 | Sep 29 | Persidangan Meja Bulat: Pembentangan Hasil Kajian Rintis Tindakan Remaja Terhadap Agama Sebagai Asas Kesejahteraan Hidup |
| 5.30 | Okt 1 | Perhimpunan & Persidangan Media Malaysia untuk Uyghur di Kedutaan Cina Kuala Lumpur dan Restoran Wadi Hadramawt |
| 5.31 | Okt 4 | Program Pembangunan Insan Orang Asli |
| 5.32 | Nov | Sumbangan Pelitup Muka kepada PIBK, Surau dan Masjid |
| 5.33 | Nov 23 | Bantahan terhadap pengisytiharan Ikhwanun Muslimin sebagai organisasi teroris oleh ulama Saudi |
| 5.34 | Nov 27 | Online Forum UoF: Understanding Other Faiths - Christianity, Hinduism And Chinese Beliefs |
| 5.35 | Dis 6 | Majlis Penyerahan Sumbangan sempena pandemik COVID-19 di Dewan Masjid Kuang, Selangor |
| 5.36 | Dis 12 | Forum Online: Thumbs Down To Bottoms Up - Dangers Of Alcohol To Society. Tulisan CEO ACCIN mengenai tajuk ini mendapat liputan luas dalam media. |
| 5.37 | | Kunjung Hormat |
| 5.38 | | Kenyataan Media |

1. KEAHLIAN

Kehlian ACCIN sehingga 31 Disember 2020 berjumlah 20 anggota ahli gabungan NGOs Islam yang telah berdaftar. Senarai 20 ahli gabungan adalah seperti berikut:

1. Research and Information Centre On Islam (RICOI)
2. Persatuan Darul Fitrah Malaysia (DARUL FITRAH)
3. Persatuan Al-Hunafa' (AL-HUNAFSA)
4. Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA)
5. Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM)
6. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
7. Persekutuan Seruan Islam Selangor & W.P (JAM'YAH)
8. Islamic Information & Services Foundation (IIS)
9. Persatuan Dakwah Islamiah & Kebajikan Saudara Baru India Se-Malaysia (AL-HIDAYAH)
10. Persatuan Ulama' Malaysia (PUM)
11. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)
12. Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA)
13. World Assembly of Muslim Youth (WAMY)
14. Persatuan Kebajikan & Pengubatan Islam Malaysia (DARUSSYIFA)
15. Pergerakan Belia India Muslim Malaysia (GEPIMA)
16. Interactive Muslimah Association (IMAN)
17. Pertubuhan IQRA' Malaysia (PIM)
18. Islamic Propagation Society International (IPSI)
19. Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM)
20. Global Unity Network (UNITY)

2. PEJABAT URUSAN SEKRETARIAT ACCIN

Darussyifa' telah diamanahkan untuk menerajui ACCIN sebagai Pengerusi, bermula dari bulan Januari 2020 sehingga Disember 2020 dan dilanjutkan sehingga Disember 2021 dalam Mesyuarat Agung Tahunan ke-12 pada 25 Julai 2020. Pejabat Sekretariat ACCIN adalah beralamat seperti berikut:

Tingkat 16, BANGUNAN PERKIM, Telefon : 03-40512482
 150, JALAN IPOH, HP Admin : 016-6524722
 51200 KUALA LUMPUR Email : sekretariataccin@gmail.com

No.8 Jln PJU 8/6, Damansara Perdana, Petaling Jaya, Selangor (alamat surat menyurat untuk MAIS)

Akaun Bank: Bank Islam Malaysia Berhad No. Akaun : 14-014-01-013868-5 (general)

Akaun Bank: Bank Islam Malaysia Berhad No. Akaun : 14-014-01-015677-3 (infaq)

3. MESYUARAT MAJLIS ACCIN

Sebanyak 7 kali Mesyuarat Majlis ACCIN telah diadakan dan lazimnya berlangsung pada hari Sabtu minggu pertama setiap bulan bermula jam 10 pagi kecuali ada waktu yang ditunda. Pada Tahun 2020 dengan terlandanya pandemik Covid-19 maka ada mesyuarat yang terpaksa dijalankan secara atas talian.

BLN	TARIKH	BIL.	JUMLAH KEHADIRAN NGO		JUMLAH KEHADIRAN ORANG
JAN	11	1/2020	12		17
FEB	9	2/2020	10		14
MAC	7	3/2020	11		15
APR			COVID-19	PKP	
MEI			COVID-19	PKP	
JUN	27	4/2020	10		15
JUL	-	-	-		--
OGO	-	-	-		-
SEP	12	5/2020	12		18
OKT	-	-	-		-
NOV	7	6/2020	12		14
DIS	5	7/2020	12		13

PRESTASI KEHADIRAN MESYUARAT BULANAN MAJLIS ACCIN BAGI TAHUN 2020

Bil	Pertubuhan \ Bil	1	2	3	4	5	6	7	Ratio
1	ABIM								4/7
2	Al-Hidayah								6/7
3	Al-Hunafa								1/7
4	Darul Fitrah								7/7
5	Darussyifa'								6/7
6	GEPIMA								0/7
7	IIS								4/7
8	IKRAM								7/7
9	IMAN								5/7
10	IPSI								1/7
11	ISMA								0/7
12	JAM'IYAH								7/7
13	MACMA								7/7
14	PERKIM								7/7
15	PIM								7/7
16	PPMM								2/7
17	PUM								5/7
18	RICOI								2/7
19	UNITY								1/7
20	WAMY								0/7
JUMLAH NGO		12	10	11	10	12	12	12	

4. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 12 (MAT12)

Mesyuarat Agung Tahunan Ke 12 kali ini telah diadakan pada hari Sabtu 25 Julai 2020 bertempat di Dewan Tingkat 4 bangunan PERKIM KL (untuk butiran lanjut, sila rujuk Minit Mesyuarat yang disertakan).



5. PROGRAM-PROGRAM ACCIN BAGI TAHUN 2020

Februari 15, 2020

Malam Anugerah ACCIN 2019
di Masjid Umar Al-Khattab
dirasmikan oleh YB Datuk Seri Anwar Ibrahim
anjukan ACCIN



Februari 29, 2020

Solidarity Run for Uyghur
di Kuala Lumpur
anjuran ABIM, ACCIN



April 3, 2020

Forum/dialogue online dengan Menteri Agama, Dato Dr Zulkifli Al Bakri
anjuran ACCIN



Mei 14, 2020

Perjumpaan dan memo kepada Timbalan Menteri Luar Datuk Kamaruc Jaafar - isu tahanan Jemaah Tabligh Malaysia di India - 189 orang
di Putrajaya
diwakili oleh Tn Hj Ir Mohd Jamaludin Shamsudin



Julai 11, 2020

Webinar: Faraid & Hibah Untuk Muallaf
anjuran ACCIN

ISU & PENYELESAIAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA BAGI MUALLAF

Kepada rakan-rakan Muallaf, anda dijemput untuk serti Webinar ini untuk sama-sama belajar cara-cara penyelesaian pembahagian dan pentadbiran harta pusaka yang melibatkan keluarga Muslim dan bukan Muslim anda!

Sabtu, 11 JULAI 2020, 11:00 pagi

Zoom: 361463393 | Facebook: ACCIN | Live: ACCIN

Anjukan: ACCIN | Atas Kerjasama: as-Salihin, SEA

Julai 25, 2020

AGM MAT 12 ACCIN
di Dewan Bangunan PERKIM KL
Resolusi AGM tentang mengadakan jualan alkohol yang ditulis dalam bentuk rencana mendapat liputan di pelbagai media termasuk BH dan Sinar Harian.



September 19, 2020

Persidangan Kebangsaan Memahami Kepercayaan Lain: Perspektif Dakwah
anjuran ACCIN



PERSIDANGAN KEBANGSAAN MEMAHAMI KEPERCAYAAN LAIN: PERSPEKTIF DAKWAH

DONORANAN OUSO DE TELECOMUNICACIONES AL BAREL, MEXICO DE INVESTACIONES MEXICANAS, MEMBRAS DE INVESTACIONES MEXICANAS

19 SEPTEMBER 2020 | SABTU
8 : 0 0 A M - 5 : 0 0 P M
DEWAN SYARAHAN UTAMA MASJID NEGARA

ANJURAN ACCIN

DENGAN KERJASAMA: as-Salihin, SEA

016 6314732, Kamil | 011 9995049 - Hj Adam

September 29, 2020

Persidangan Meja Bulat: Pembentangan Hasil Kajian Rintis Tanggapan Remaja Terhadap Agama Sebagai Asas Kesejahteraan Hidup di ISTAC
 anjuran IMAN



Oktober 1, 2020

Perhimpunan & Persidangan Media Malaysia untuk Uyghur di Kedutaan Cina Kuala Lumpur dan Restoran Wadi Hadramawt
 anjuran ACCIN, ABIM




Oktober 4, 2020

Program Pembangunan Insan Orang Asli di Dewan Komuniti Kg Orang Asli Bukit Bandaraya Shah Salam
 anjuran PIM, ACCIN



November 27, 2020

Online Forum UoF: Understanding Other Faiths – Christianity, Hinduism And Chinese Beliefs
 anjuran ACCIN



Disember 12, 2020

Forum Online: Thumbs Down To Bottoms Up – Dangers Of Alcohol To Society.
 anjuran ACCIN

Tulisan CEO ACCIN mengenai tajuk ini mendapat liputan luas dalam media



KUNJUNG HORMAT

Jun 30, 2020

**Kunjung hormat ke YDP Jam'iyah Ustaz Zakaria
di Pejabat Jam'iyah KL**



Julai 9, 2020

**Kunjung Hormat SUA PERKIM YB Tan Sri Yusof Noor dan
Pengurusan PERKIM
di Bilik Mesyuarat Bangunan PERKIM KL**



Julai 13, 2020

**Lawatan dan mesyuarat di IPSI, Penang dengan Tn Hj Kamaruddin
di Pejabat IPSI Penang**



Ogos 17, 2020

**Mesyuarat dengan CEO MAIWP, Datuk Akbar Samon
di Pejabat CEO MAIWP Bangunan PERKIM KL**



KENYATAAN MEDIA

Februari 26, 2020

Time to move on Malaysia

Mac 3, 2020

Bahaya Pemusatan Kuasa pada Perdana Menteri

Mac 15, 2020

Elakkan Pemusatan Kuasa pada Perdana Menteri

April 22, 2020

GLC PERLU TERUS DITADBIR OLEH PROFESIONAL DAN TEKNOKRAT

Memorandum ACCIN untuk GLC di pimpin oleh kalangan profesional yang berwibawa, bukannya politikus. Memorandum di sokong oleh MTEM, DPMM, Pembela dan MAPIM. Mendapat liputan luas media.



Jun 2, 2020

KETAGIHAN ALKOHOL: PEMANDU MABUK, KEGANASAN RUMAH TANGGA DAN KERUGIAN SUMBER TENAGA MANUSIA

Ogos 28, 2020

USUL MENANGANI AKIBAT BURUK KETAGIHAN ALKOHOL

September 3, 2020

Tahniah Kepada Kerajaan: Kaedah Baru Pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM

September 4, 2020

Kudos to the Government on the new appointment procedure of MACC Commissioner

November 14, 2020

Apabila Tiong 'Berciap'

November 26, 2020

KL Hard Liquor Sales Ban - Multi-religious Perspective

Lihat artikel sepenuh kenyataan media di laman web ACCIN di www.accin.org

Video Kenangan ACCIN di Tahun 2020



<https://youtu.be/x98g1flvmVk>



<https://www.facebook.com/ACCINmalaysia/>



www.accin.org

Sekian Laporan ACCIN sesi 2020

Disediakan oleh:
Sekretariat ACCIN 2021